


NIOSH, UMS kerjasama perkasa OSH

BH 15.2.2014 12

Kota Kinabalu: Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) terus memperkasa perkhidmatan dan pendidikan menyeluruh berkaitan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OSH) kepada komuniti.

Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye (**gambar**), berkata usaha murni itu dilaksanakan menerusi kerjasama pin-tar dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS).



Beliau berkata, masyarakat perlu mendapat bimbingan menyeluruh mengenai OSH sebagai persediaan bagi mengelak ke-

malangan atau kecederaan ketika di tempat kerja.

“Bagi memastikan kesedaran mengenai OSH disampaikan kepada golongan sasaran, kita membawa bersama badan bukan kerajaan (NGO) dalam menjayakan setiap program kepada masyarakat.

“Program tanggungjawab sosial korporat ini dilaksanakan secara berperingkat merangkumi semua peringkat pengamal industri,” katanya dalam sidang media selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara NIOSH dan UMS di sini, semalam.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah; Setiausaha Eksekutif NIOSH, Ayop Salleh dan Pengarah Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMS, Prof Madya Dr Shamsul Bahari Shamsudin.